

Ya'acob: Tingkatkan seni silat Melayu

PERINGKAT SILAT

27 DEC 1982

PEMUDA-PEMUDI Melayu diseru supaya bukan saja menghidupkan terus seni silat, malahan berusaha untuk meningkatkan tarafnya agar dapat 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan lain-lain seni mempertahankan diri di Singapura.

Semasa membuat seruan tersebut, Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Dr Haji Ya'acob Mohammed menekankan bahawa seni persilat adalah warisan orang-orang Melayu sejak zaman berzaman.

"Sejak dulu lagi, seni mempertahankan diri ini telah menguasai jiwa pemuda-pemudi Melayu dan telah menjadi kebang-

gaan mereka.

"Lantaran itu, ia mestilah terus disemai di jiwa anak-anak muda hari ini," katanya.

Berucap di majlis pembukaan peringkat akhir Pesta Silat Singapura anjuran Persisi di Dewan Badminton Singapura Sabtu malam lalu, Dr Haji Ya'acob yang juga Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India, berkata:

Pahlawan

"Jika seni silat kita layu dan tandus, arwah para pahlawan yang bangkit dari kubur mereka akan merasa sedih dan menangis."

Awal dari itu, beliau telah menarik perhatian

bahawa sehingga sekarang, tiada seorang pun ahli sejarah yang dapat meriwayatkan tentang asal-usul dan pencipta seni silat yang menjadi kebanggaan orang-orang Melayu itu.

Menurut beliau, seni tersebut telah berkembang dengan pesatnya sejak zaman nenek moyang orang-orang Melayu dulu.

Bagaimanapun, bila negeri-negeri Melayu mula terjajah oleh kuasa-kuasa Barat, seni silat mereka juga turut terjejas menempuh zaman-zaman muramnya.

Sebaliknya, bila negeri-negeri tersebut mencapai kemerdekaan, seni silat berkenaan turut berkembang semula sehinggalah ke hari ini.

Sesuai dengan itu, beliau melahirkan harapan agar seni silat ini terus meningkat popular dan kalau dapat dijadikan salah satu acara bukan saja dalam sukan Asia Tenggara (SEA) malahan juga dalam sukan Asia kelak.

Kumpulan

Tugas mengembangkan seni silat ini, kata beliau adalah terletak di bahu badan-badan Melayu sendiri seperti Persisi.

Kira-kira 3,000 orang penonton telah menyaksikan pertarungan antara 26 orang peserta di hari pertama peringkat akhir pesta silat tersebut yang dibahagikan kepada dua bahagian utama — silat kesenian dan silat olahraga.

Seramai 14 orang per-seorangan dan 18 buah kumpulan lagi bertanding di hari terakhir pesta itu malam semalam.

Gugup dan gagal kawal emosi punca kekalahan

28 DEC 1982

PERINGKAT SILAT

KEGAGALAN mengawal emosi dan perasaan gugup ketika bertarung merupakan antara beberapa kelemahan yang telah ditunjukkan oleh setengah-setengah peserta dalam Pesta Silat Singapura yang berlangsung baru-baru ini.

Demikian pandangan seorang wakil Persatuan Seni Silat Dipo Woojo, Selangor, ketika mengulas pertandingan akhir selama dua hari itu.

Encik Nasaruddin Md Nor, setiausaha persatuan itu menekankan bahawa kedua-dua kelemahan itu merupakan punca seseorang pesilat kehilangan tumpuan dan mudah ditewaskan oleh pihak lawan.

Menjelaskan lebih lanjut, beliau berkata bahawa terdapat beberapa orang peserta lain yang gagal mengatur langkah menurut bunga-bunga silat seperti yang seharusnya.

Keadaan itu menyebabkan sesuatu perlawanan lebih kelihatan seperti perlawanan taekwan-do dan bukan lagi silat.

"Dalam seni silat, bunga-bunga atau langkah

kesenian adalah penting. Ia juga dapat membantu seseorang itu mengatur langkah yang lebih tangkas dan mengelakkan diri dari terkaman-terkaman pihak lawan."

Seseorang pesilat yang mahu berjaya dalam satu-satu pertandingan, tambah beliau, perlu mempunyai latihan yang cukup.

Kelemahan-kelemahan yang ditunjukkan oleh setengah-setengah peserta dalam pesta tersebut mungkin disebabkan mereka kurang latihan atau kurang berpengalaman.

Akibatnya, mereka dengan mudah menjadi gugup, tidak dapat mengawal emosi dan kehilangan tumpuan terhadap gerakan lawan.

Mengulas mengenai para pesilat Dipo Woojo sendiri, Encik Nasaruddin mengatakan bahawa ini adalah pertama kali mereka mengambil bahagian dalam pertandingan di luar Malaysia.

Kerana itu, mereka agak kurang berpengalaman dan tidak dapat menunjukkan kelakonan yang memuaskan.